

22 MAR 1996

PROTON AKAN MENDAPAT MANFAAT MELALUI EKONOMI BIDANGAN DARI KILANG KEDUA

Oleh: Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Kilang kedua Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dekat Tanjung Malim akan memberikan kepada syarikat itu ekonomi bidangan dan kelebihan kepadanya untuk meningkat selanjutnya dalam pasaran tempatan dan juga pasaran eksport, kata para penganalisis hari ini.

Ternyata dengan kilang baru ini, pembeli-pembeli kereta Proton boleh menjangka masa menunggu yang lebih pendek di masa akan datang.

"Tetapi manfaat sebenarnya terletak pada pengurangan kos tetap," kata salah seorang daripada penganalisis tersebut.

"Bagaiamanapun, faedah yang paling besar ialah bagi pasaran eksport," katanya lagi.

Kilang kedua ini, yang merupakan sebahagian daripada pekan baru kereta yang bersepadu, akan meningkatkan pengeluaran Proton sebanyak 180,000 setahun di kilangnya yang ada sekarang di Shah Alam kepada 500,000 unit setahun menjelang tahun 2000.

Keseluruhan bandar baru ini akan dibina di Behrang Ulu dengan harga RM4 bilion. Bandar baru yang dikenali dengan nama Bandar raya Proton ini akan dibina di kawasan seluas 1,600 hektar.

Esok, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, akan melakukan upacara memecah tanah bagi bandar baru itu.

Seorang penganalisis lain berkata "Dengan pengurangan kos, kita boleh mengharapkan Proton memindahkan faedahnya kepada pembeli dalam bentuk harga yang lebih murah."

"Proton sememangnya memerlukan kilang kedua ini bagi meningkatkan pengeluaran untuk menampung senarai menunggu yang panjang dalam pasaran tempatan," kata seorang lagi penganalisis.

Tetapi, beliau mempersoalkan sama ada kereta-kereta Proton boleh menjangkakan sambutan di dalam negeri sehangat sekarang, terutama apabila persaingan semakin sengit dengan kemasukan kereta-kereta baru apabila syarat pasaran dilonggarkan kelak.

Dengan kerana itulah, pengarah urusan Proton, Datuk Mohd Nadzmi Salleh, menyatakan bahawa Proton perlu memperluaskan pasaran eksportnya sebab ia merupakan pilihan terbaik bagi memastikan ia berdaya maju.

"Tetapi, untuk bersaing di seberang laut, Proton memerlukan kelebihan daripada segi harga dengan menjual kereta pada harga yang lebih murah daripada pesaing-pesaingnya. Caranya ialah dengan menyerap kos tetapnya melalui pengeluaran kereta dalam jumlah yang lebih besar, kata salah seorang daripada penganalisis-penganalisis tersebut. -- BERNAMA

AD KY SIA